



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## Keratan Akhbar

### Berita Online

i

...

Berita  
Online

24 JAM

# BERITA

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

**Untuk makluman:**


- |                       |                     |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri          | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP)   |
| ● YBhg. KSU           | ● Setiausaha Akhbar |

**Tarikh: 27 Februari 2025**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **KPDN**



**ANGGOTA** penguat kuasa KPDN memeriksa tong LPG yang ditemui di sebuah stor di Selama, Taiping kelmarin.

## **Stor sorok 95 tong LPG secara haram disita KPDN**

**TAIPING** — Sebuah premis di Selama di sini, yang dikesan menyimpan 95 unit tong gas petroleum cecair (LPG) secara haram diserbu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) Perak pada pukul 11.30 pagi kelmarin.

Pengarah KPDN Perak, Datuk Kamalludin Ismail berkata, tindakan serbuan itu adalah hasil pemantauan dan pemeriksaan oleh anggota penguat kuasa melalui Ops Api Biru.

Beliau berkata, hasil pemeriksaan yang dijalankan mendapati, premis tersebut merupakan sebuah stor menyimpan LPG.

“Seorang lelaki berumur 33 tahun disyaki pemilik premis gagal mengemukakan sebarang lesen atau permit bagi urusan melibatkan barang kawalan LPG oleh Pengawal Bekalan Malaysia apabila diminta.

“Sehubungan itu, satu tindakan kes telah diambil dengan menyita sebanyak 95 unit tong

LPG di mana 53 unit di antaranya mengandungi LPG dengan nilai sitaan adalah dianggarkan RM8,457.60,” katanya di sini semalam.

Kamalludin berkata, kes akan disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974.

“KPDN ingin memberi amaran keras ke atas mana-mana individu atau syarikat berkaitan agar sentiasa mematuhi perundangan yang telah ditetapkan,” katanya.

## KPDN Perak sita 95 tong LPG di stor haram

**TAIPING** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak menyita 95 tong gas petroleum cecair (LPG) yang disimpan di sebuah stor haram di Selama pada Selasa.

Pengarah KPDN Perak, Datuk Kamalludin Ismail, berkata kegiatan itu terbongkar hasil pemantauan serta pemeriksaan anggota penguat kuasa KPDN cawangan Taiping menerusi Op Api Biru.

"Hasil pemeriksaan mendapati premis tersebut berfungsi sebagai stor penyimpanan tong gas LPG.

"Seorang lelaki berusia 33 tahun yang disyaki sebagai pemilik premis didapati gagal mengemukakan lesen atau permit bagi urusan melibatkan barang kawalan LPG seperti yang ditetapkan oleh pengawal bekalan," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Menurut beliau, tindakan telah diambil dengan menyita semua tong LPG berkenaan yang dianggar-kan bernilai RM8,457.60.

"KPDN ingin memberi amaran keras kepada mana-mana individu atau syarikat agar sentiasa mematuhi perundungan yang telah ditetapkan.

"Kes ini akan disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974," katanya.

## KPDN Perak sita 95 tong LPG disimpan tanpa lesen

**IPOH:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Perak menyata 95 unit tong gas petroleum cecair (LPG) yang disimpan tanpa permit dianggarkan bernilai RM8,457.60 dalam satu serbuan di sebuah premis di

Selama di sini kelmarin.

Pengarahnya Datuk Kamal-ludin Ismail berkata, serbuan dilakukan pada 11.30 pagi oleh anggota penguat kuasa KPDN Cawangan Taiping melalui melalui Ops Api Biru.

"Hasil pemeriksaan mendapati premis dimiliki se-

orang lelaki berusia 33 tahun itu dijadikan stor menyimpan 95 unit tong LPG dan dari-pada jumlah ini sebanyak 53 unit mengandungi LPG.

"Lelaki berkenaan juga gagal mengemukakan se-barang lesen atau permit bagi urusan melibatkan barang

kawalan LPG oleh Pengawal Bekalan Malaysia apabila diminta," katanya dalam ke-nyataan semalam.

Kes berkenaan disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Peraturan-Peratu-ran Kawalan Bekalan 1974.  
— Bernama

## **KPDN Labuan tahan pemandu lori disyaki cuba seleweng diesel**

**LABUAN:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menahan seorang lelaki tempatan dan merampas lebih 400 liter diesel dalam operasi di sebuah stesen minyak di sini pada Isnin.

Pengarah KPDN Labuan Junaidah Arbain berkata dalam serbuan 1.30 tengah hari menerusi penugasan Ops Tiris 3.0 Kita Gempur itu, pemandu lori berusia 51 tahun berkenaan didapati sedang mengisi diesel ke dalam tangki simpanan tambahan yang dipasang pada lori miliknya.

“Pemeriksaan lanjut mendapati pemandu itu telah menyimpan diesel berlebihan

di dalam tangki besi tanpa permit sah atau kelulusan bertulis KPDN,” katanya kepada Bernama semalam.

Junaidah berkata nilai keseluruhan rampasan barang kes dianggarkan berjumlah RM130,933.81 dan lelaki itu disiasat di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) kerana memiliki barang kawalan dengan tujuan untuk melakukan kesalahan.

“KPDN tegas membanteras salah urus bahan api dan penyimpanan haram, serta menggesa orang ramai untuk mematuhi peraturan bagi mengelakkan tindakan undang-undang,” katanya.— Bernama



HARI:

KHAMIS

TARIKH:

27/2/2025

M/SURAT:

3



▲官员们检查涉嫌拥有超过 400 升柴油德货车。

## 非法拥有逾 400 升柴油 闽一无证男被扣

(本报纳闽 26 日讯) 一名男子因无许可证且拥有超过 400 升柴油被扣捕。

该宗案件依据《1961 年供应管制法令》(第 122 法令) 展开调查，此次行动是于 2025 年 2 月 24 日，由纳闽国内贸易及生活成本部执法部门在“‘纰漏行动 3.0’”中所执行的。

官员们于下午 1 时 30 分左右在本地一间加油站进行突击检查，执法人员当场扣留一名 51 岁的本地男子，该男子涉嫌超出允许数量加注柴油至一个额外储存油箱，而非其原本车用油箱。

进一步检查发现，该名男子即该车辆司机已将超过 400 升柴油加注至一个铁制油箱，而该油箱并非货车原本的燃油箱。

在检查过程中，该司机未能出示任何由纳闽国内贸易及生活成本部签发的许可证或书面批准文件，以证明其持有或储存受管制物品的合法性。

该名司机随即被扣留，并接受调查，以协助依据《1961 年供应管制法令》(第 122 法令) 进行的案件调查，因其未能提供任何关于受管制物品持有的合法证明或许可证。

纳闽国内贸易及生活成本部鼓励公众若有任何相关可疑活动的信息或投诉，可通过以下渠道向当局举报：

E - 投诉门户 : <https://eaduan.kpdn.gov.my> ; 电话 : 087 - 423152 (纳闽国内贸易及生活成本部办事处)

行动室 : 087 - 423209 (纳闽国内贸易及生活成本部) ; 传真 : 087-452150。

WhatsApp :  
<http://www.wasap.my/+60198488000/Aduan> + Pengguna 。 (001)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **UMUM**

## Hampir separuh daripada 5,000 sampel beras import dicampur beras putih tempatan (BPT)

Laporan kajian hasil teknologi pencapjarian asid deoksiribonukleik (DNA) oleh MARDI itu diserah kepada Kawalselia Padi Beras (KPB) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

**Nasional 4**



# MARDI sahkan beras import dicampur beras tempatan

Analisis buktikan dakwaan ada cubaan pengilang kaut untung berlebihan

Oleh Essa Abu Yamin  
essaubyamin@bh.com.my

**Serdang:** Analisis Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) mendapati antara 40 hingga 50 peratus daripada 5,000 sampel beras adalah campuran beras putih tempatan (BPT) dan beras putih import (BPI).

Sampel beras dianalisis MARDI itu diterima daripada pihak berkuasa iaitu Pejabat Kawal Selia Padi dan Beras dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) yang diambil daripada pengilang untuk menjalankan analisis bagi mengenal pasti varietinya.

Difahamkan, analisis itu bagi mengesahkan dakwaan banyak pihak sebelum ini ada kegiatan mencampur BPT dan BPI diperlukan untuk mengaut keuntungan berlebihan.

Pegawai Penyelidikan Kanan Biologikal Sains (Genetik) Pusat Penyelidikan Bioteknologi dan Nanoteknologi MARDI, Mohd Syahril Firdaus Ab Razak, berkata analisis itu menggunakan teknologi pencapairan asid deoksiribonukleik (DNA) beras yang dilaksanakan sepanjang 2023 dan 2024.

"MARDI membangunkan teknologi berdasarkan cap jari DNA yang mampu mengenal pasti varieti dan sumber asal beras dengan bukti saintifik," katanya.



Pegawai Penyelidikan Prinsipal, Dr Khairun Hisam Nasir bersama Mohd Shahril Firdaus (kiri) menunjukkan keputusan akhir analisis di Serdang, semalam.

(Foto Hazreen Mohamad/BH)

di sini semalam.

Mohd Syahril Firdaus berkata, analisis dibuat bagi mengenal pasti isu kehilangan BPT di pasaran selaras penubuhan Petugas Khas Operasi Bersepadu Beras Putih Tempatan pada 2023.

Beliau berkata, campuran beras dipercayai berlaku di peringkat pengilang kerana petani menanam padi menggunakan benih tempatan.

Katanya, campuran BPI dan BPT dipercayai berlaku apabila dijual kepada pengilang.

"Laporan penuh analisis beras berkenaan sudah dihantarkan kepada pihak berkaitan," katanya.

## Profil rujukan cap jari DNA

Mohd Shahril Firdaus berkata, MARDI mempunyai profil rujukan cap jari DNA bagi kebanyakan tanaman termasuk lebih 50 varieti padi.

"Teknologi Pencapajaran DNA

berkenaan mampu mengesahkan mampu mengesahkan varieti dan sumber asal beras dengan bukti saintifik.

"Setiap sampel beras dalam kampit dibahagi kepada tiga bahagian iaitu atas, tengah dan bawah yang diambil secara rawak sebelum melalui proses pengeksplor DNA dan kawalan kualiti," katanya.

Beliau berkata, analisis penskoran dibuat menggunakan perisian GneMapper5/Typer4.

Mohd Shahril Firdaus berkata, belum ada akta khas menghalang perbuatan campuran BPT dan BPI.

"Ketika ini, pusat penyelidikan ini bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) untuk membincangkan peraturan baharu berkaitan BPT dan BPI," katanya.

Pada 4 Oktober tahun lalu, Kementerian Pertanian dan Keter-

jaminan Makanan melancarkan Op BPT bersepudu membabitkan pegawai Kawalselia Padi dan Beras (KPB), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Bahagian Penguat Kuasa Hidup (KPDN) dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan (MAQIS).

Operasi itu mempunyai kepadatan pemeriksaan di peringkat pengilang dan pemberong padi dan beras di seluruh negara bagi mengesahkan penyelewengan itu.

Antara Oktober hingga 13 November tahun lalu, pasukan itu melakukan 196 pemeriksaan permis membabitkan 71 kilang padi, 113 pemberong dan 12 peruncit di seluruh negara.

Hasilnya, tiga kes diambil tinjauan mengikut Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 dan sembilan kes di bawah KPDN.

Hasil analisis MARDI sahkan 50 peratus beras putih di pasaran telah dicampur

## Pengilang campur beras import dengan tempatan

Oleh ZABRY MOHAMAD MADZLAN  
utusannew@mediamalaysia.com.my

SERDANG: Kira-kira 50 peratus beras putih yang berada di pasaran negara ini telah dicampur dengan beras putih tempatan.

Perkara itu disahkan oleh

Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) Dr. Muhammad Zahari Ahmad berkata, mereka membuat analisis terhadap lebih 5,000 sampel kampit beras impor.

Dapat ini sekali gus menjawab persoalan ke mana hilangnya beras putih tempatan di pasaran yang sudah berlalu sejak dua tahun lalu.

Pengarah Pusat Bioteknologi dan Nanoteknologi MARDI, Dr. Muhammad Zahari Ahmad berkata, mereka membuat analisis terhadap lebih 5,000 sampel kampit beras dengan logo import yang dibaik oleh agensi penguat kuasa sejak 2023.

Katanya, sampel-sampel itu diperoleh hasil serbuan Sek-

yen Kawal Selia Padi dan Beras serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDNKh) di seluruh negara.

"Semua negri ada hantar sampel dengan 5,000 sampel ini adalah (jenama) yang biasa kita jumpai di pasaran.

"Berdasarkan kesemuanya sampel diterima ini, sebanyak 50 per-

tus (beras import) dalam pasaran ada campuran (dengan beras tempatan)," katanya pada mewakili MARDI, Mohd Syahri Firdaus Ab Razak berkata, analisis itu dibuat melalui teknologi pencapiran asti deoksiribonukleik asid (DNA).

Katanya, pada 2023 sejauh pengetahuan Pusat Petugas Operasi Bersepadu Bera Putih Tempatan sekitar 50 peratus lahan

"Teknologi Pencapiran DNA berkenaan mampu mengesan varieti dan memberi sasaran.

"Setiap sampel beras dalam kampit dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu atas, tengah dan bawah yang dimana setiap cara rawak sedikit masihlah proses pengekstrakan DNA dan kawalan kualiti," katanya.

Katanya, MARDI menggunakan teknologi turut menggunakan DNA bagi kebanyakan tanaman termasuk lebih 50 varieti padi.

"Analisis penskoran dibuat menggunakan persian Green-

apple dan persian green."

Mohd Syahri Firdaus berkata,

campuran beras dipercayai

berlaku di peringkat pengilang

dengan petani menanam pada

menggunakan benih tempa-

tan. Namun, beliau menyatakan

tindakan itu boleh memudahkan

dan memudahkan masyarakat

dan Keterjaminan Makanan

(KPKM) sebelum ini menyatakan pihaknya giat membuat

kaedah terperinci untuk mem-

bentuk peraturan beras

campuran di pasaran tempa-

tan.

Menurutnya, Datuk Seri Tengku

hamzah Sabu berkata, edaran

tersebut turut disokong oleh

Suruhanjaya Persaingan Ma-

laysia (MyCC) sebagai kaedah

penyelesaian kepada masalah

beras yang berlaku ke-

tiaka ini.

Katanya, pihaknya akan

memerlukan masa

bagi membincangkan pihak

tersebut dan akan dikemukakan

kepada Perdana Menteri

Dari muka 1

Sementara itu, Pegawai Pe-

nterik

nyelidik Pusat Penyelidikan Bi-

oteknologi dan Nanoteknologi

MARDI, Mohd Syahri Firdaus

Ab Razak berkata, analisis itu

dibuat melalui teknologi pen-

capiaran asti deoksiribonuk-

leik asid (DNA).

Katanya, itu bermula

sejak

2023

sejauh pengetahuan

sekitar 50 peratus lahan

tempatan

sejauh ini.

"Teknologi

pencapiran

DNA

berkenaan

mampu

menge-

sas-

kan

ber-

as-

si-

an-

## 50% beras import campur tempatan

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

**SERDANG** – Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) mengesahkan terdapat pengilang yang merah keuntungan tinggi dengan mencampurkan beras putih tempatan

dan beras import.

Analisis yang dijalankan MARDI mendapati 45 hingga 50 peratus daripada 5,000 sampel beras import yang dirampas di kilang mengandungi asid deoksiribonukleik (DNA) beras tempatan.

Menurut Pegawai Penyelidik

Kanan Pusat Penyelidikan Bioteknologi dan Nanoteknologi MARDI, Mohd. Shahril Firdaus Ab. Razak, keputusan tersebut diperoleh melalui teknologi pencapjaran DNA bermula penghujung 2023 sehingga Mac 2024.

»BERSAMBUNG DI MUKA 6

## 50% beras import campur tempatan

DARI MUKA 1

Katanya, analisis itu dilakukan susulan penubuhan Task Force Operasi Bersepuduh Beras Putih Tempatan bagi mengetahui pasti ke mana hilangnya beras putih tempatan.

"5,000 sampel tersebut diambil secara rawak daripada 55 kampit beras dengan setiap satu kampit sebanyak 95 sampel telah digunakan.

"Setakat ini kita mempunyai lebih 50 varieti tempatan yang telah dilisytiharkan dan dalam isu ini, sebanyak 10 varieti tempatan dijadikan perujuhan.

"Kebanyakan varieti ditanam di lapangan oleh petani adalah MR297 dan kita dapat daripada analisis ini, banyak percampuran beras tempatan varieti MR297," katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi taklimat mengenai kaedah analisis bagi mengetahui pasti beras putih tempatan dan beras import di sini semalam.

Katanya, pihaknya menganjurkan laporan analisis tersebut kepada Pejabat Kawalsella Padi dan Beras serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kosara Hidup (KPDN).

Mohd. Shahril Firdaus berka-

“

Kebanyakan varieti ditanam di lapangan oleh petani adalah MR297 dan kita dapat daripada analisis ini, banyak percampuran beras tempatan varieti MR297.”

ta, petani di negara ini menanam beras tempatan dan kemudian ia dihantar kepada kilang, jadi percampuran berlaku di tempat tersebut.

Katanya, tiada akta yang menegah perbuatan campuran beras putih tempatan dan beras import.

"Buat masa ini, pusat penyelidikan ini bersama-sama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan akan membincangkan peraturan baharu berkaitan beras putih tempatan dan import," katanya.

Katanya, teknologi pencapjaran DNA ini mampu mengesahkan varieti dan sumber asal beras dengan bukti saintifik.



PEGAWAI Penyelidik Prinsipal MARDI, Dr. Khairun Hisam (kanan) dan Mohd. Shahril Firdaus (kiri) melihat data pengenalpastian beras tempatan dan import melalui teknologi pencapjaran DNA di ibu Pejabat Mardi, Serdang semalam. – ISKANDAR ISHAK

Oleh Muhamad  
 Lokman Khairi  
 lokman.khairi@hmetro.com.my

Serdang

**A**nalisis Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) ke atas lebih 5,000 sampel butir beras mengesahkan beras putih tempatan dengan beras putih import dicampurkan pengilang dipercaiyai bagi mendapatkan keuntungan tinggi.

Ini kerana hasil kajian ke atas beras yang dilabelkan sebagai 'beras import' didapati memiliki sekitar 40 hingga 50 peratus asid deoksiribonukleik (DNA) beras tempatan menerusi teknologi pencapajaran DNA.

Pegawai Penyelidik Kanan Pusat Penyelidikan Bioteknologi dan Nanoteknologi Mardi, Mohd Shahril Firdaus Ab Razak berkata, analisis dilakukan Task Force Operasi Bersepadu Beras Putih Tempatan bagi mengenal pasti ke mana hilangnya beras putih tempatan.

"Pihak Kawalselia Beras dan Padi serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menyerbu kilang beras seluruh negara dan menghantar 55 peket beras import kepada Mardi.

"Analisis dijalankan antara September 2023 sehingga Mac 2024, mendapat 40 sehingga 50 peratus daripada lebih 5,000 sampel butir beras terbabit me-

ngandung beras tempatan termasuk varieti MR297." Turut hadir, Pengarah Mardi, Dr Muhammad Zamharir Ahmad.

Pusat Penyelidikan Bioteknologi dan Nanoteknologi di Ibu Pejabat Mardi di sini,

semalam. Mohd Shahril berkata, analisis terhadap lebih

## ANALISIS DAPATI 50% DNA BERAS TEMPATAN DALAM BERAS DILABEL 'IMPORT'

# Serbu kilang seluruh negara



MOHD Shahril Firdaus (kiri) menunjukkan keputusan proses mengenal pasti beras tempatan dan beras import melalui teknologi pencapajaran DNA di Makmal Pusat Penyelidikan Bioteknologi dan Nanoteknologi Mardi, Serdang. - Gambar NSTP/HAZREEN MOHAMAD

5,000 sampel butir beras itu menelan kos sekitar RM80,000.

KPDN sebelum ini mendedahkan pihaknya menerima aduan beras dicampur antara beras putih tempatan dan import oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Mengulas lanjut, Mohd Shahril berkata, laporan hasil analisis dan bukti pencampuran beras itu sudah dihantar kepada pihak berkuasa berkaitan.

"Sebagaimana Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (Datuk Seri Mohamad Sabu) sebutkan sebelum ini, di bawah Kawalselia Beras dan Padi, kita tiada akta yang melarang campur padi tempatan dan import.

"Yang ada peraturan yang berkaitan dengan campur beras hancur.

"Jadi, beliau (Mohamad) minta kita (Mardi) sama-sama buat peraturan baharu untuk menyelesaikan isu ini," katanya.

Terdahulu, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dilaporkan akan memperkenalkan Peraturan Melarang Campuran Beras Putih Tempatan dengan Beras Putih Import.

# Pengilang beras tipu pengguna

Kajian MARDI sahkan beras import dijual di pasaran sudah dicampur beras tempatan

Oleh TUAN BUQHAIRAH  
TUAN MUHAMAD ADNAN  
SERDANG

Polemik 'kehilangan' beras tempatan yang berlaku selama ini terjawab apabila Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)



mengesahkan ia telah dicampur dengan beras import, dipercayai untuk dijual dengan harga lebih tinggi di pasaran.

Kajian Pusat Penyelidikan Bioteknologi dan Nanoteknologi MARDI itu menemui sekitar 40 hingga 50 peratus daripada 5,000 sampel beras import yang dianalisis sudah bercampur dengan beras putih tempatan (BPT).

Pegawai Penyelidik Kanan Biologikal Sains (Genetik) pusat kajian terbabit, Mohd Syahril Firdaus Ab Razak berkata, analisis menggunakan Teknologi Pencapajaran Asid Deoksiribonukleik (DNA) beras itu dijalankan sepanjang tahun 2023 dan 2024.

FOTO: SINAR HARIAN



Mohd Syahril Firdaus membenarkan hasil analisis yang dijalankan ketika ditemui di Putrajaya pada Rabu.



Penyelidik menunjukkan cara pengendalian sampel padi menggunakan Teknologi Pencapajaran DNA.



PETANI bersusah payah menanam padi, namun pengilang pula melakukan kecurangan. - Gambar hiasan

Beliau berkata, sebanyak 5,000 sampel diambil secara rawak membabitkan 55 kampit beras import dengan setiap satu kampit, sebanyak 95 sampel digunakan.

"Kita menerima sampel beras ini daripada Pejabat Kawal Selia Padi dan Beras dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) yang diambil daripada pengilang untuk menjalankan analisis bagi mengenal pasti varietinya," katanya.

Mohd Syahril Firdaus berkata, laporan penuh analisis berkaitan beras itu sudah dihantar kepada sidang akhbar di sini pada Rabu.

Mohd Syahril Firdaus berkata, analisis tersebut dibuat bagi mengenal pasti punca kehilangan BPT di pasaran selaras penubuhan Petugas Khas Operasi Bersepadu-Beras Putih Tempatan dan beras import.

Tempatan pada tahun 2023.

Jelas beliau, tindakan mencampurkan beras berkenaan dipercayai berlaku di peringkat pengilang.

"Petani menanam padi menggunakan benih tempatan. Apabila dijual kepada pengilang, di situ lah berlaku campuran beras import dan BPT," katanya.

Mohd Syahril Firdaus berkata, laporan penuh analisis berkaitan beras itu sudah dihantar kepada pihak berkaitan.

Beliau bagaimanapun berkata, Malaysia belum mempunyai akta yang menegah perbuatan campuran beras putih tempatan dan beras import.

"Pada masa ini, pusat penyelidikan ini bersama-sama dengan Kementerian Pertanian

dan Keterjaminan Makanan (KPKM) membincangkan peraturan baharu berkaitan beras putih tempatan dan beras import," katanya.

Mengulas lanjut mengenai analisis dilakukan, Mohd Syahril Firdaus berkata, pusat penyelidikan tersebut mempunyai profil rujukan cap jari DNA bagi kebanyakan tanaman termasuk lebih 50 varieti padi.

"Teknologi Pencapajaran DNA ini mampu mengesan varieti dan sumber asal beras dengan bukti saintifik," ujarnya.

Beliau berkata, setiap sampel beras di dalam kampit dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu atas, tengah dan bawah, serta diambil secara rawak.

"Ia kemudiannya melalui proses pengekstrakan DNA dan kawalan kualiti. Analisis pen-skoran pula dijalankan menggunakan perisian *GneMapper5/Typer4*," jelas beliau.

Polemik kehilangan BPT di pasaran berlarutan lebih dua tahun lalu walaupun kementerian giat melaksanakan rombakan strategi melalui pelaksanaan reformasi industri padi dan beras.

Sebelum ini, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN), Fuziah Saleh memberi bayangan kemungkinan terdapat penglibatan kartel dalam industri tersebut termasuk pernyalahaunguna kedudukan dominan mana-mana syarikat yang mengawal bekalan benih dan import.

HARI: KHAMIS  
TARIKH: 27/2/2025  
M/SURAT: 5

## 50 pct of 5,000 imported rice samples found mixed with local white rice

**SERDANG:** The findings of a study conducted by the Biotechnology and Nanotechnology Research Centre of the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI) found that approximately 50 per cent of the 5,000 imported rice samples seized by the authorities were mixed with local white rice.

MARDI Biotechnology and Nanotechnology Research Centre senior research officer Mohd Shahril Firdaus Ab Razak said the study was conducted using deoxyribonucleic acid (DNA) sequencing technology which can distinguish between local and imported white rice.

"These 5,000 samples were

taken randomly from 55 bags of rice seized in several operations carried out by the authorities. From each bag of rice, 95 samples were taken.

"Within three to five days, we can conduct an analysis on 950 samples," he said at a press conference here Wednesday.

Mohd Shahril Firdaus said

the study period was from the end of 2023 to March 2024 when the Ministry of Agriculture and Food Security (KPKM) created a Special Task Force for Integrated Operations of Local White Rice to identify the local white rice chain.

"We have submitted this study report to the authorities who

sent us the samples, namely the Padi and Rice Regulatory Authority (KPB) and the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN)," he said.

He said currently his party has created 10 subsidised rice varieties, including MR303, MR307, MR315, Padi Putra 1 and Padi Putra 2, as the study sequence. — Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 27 FEBRUARI 2025			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
27-Feb	KPDN mulakan proses bangunkan standard keselamatan produk bayi	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/02/1365879/kpdn-mulakan-proses-bangunkan-standard-keselamatan-produk-bayi#google_vignette">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/02/1365879/kpdn-mulakan-proses-bangunkan-standard-keselamatan-produk-bayi#google_vignette</a>	BERITA HARIAN
27-Feb	KPDN mulakan proses bangunkan standard keselamatan produk bayi	<a href="https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/02/1191118/kpdn-mulakan-proses-bangunkan-standard-keselamatan-produk-bayi">https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/02/1191118/kpdn-mulakan-proses-bangunkan-standard-keselamatan-produk-bayi</a>	HARIAN METRO
27-Feb	Jualan Rahmah Ramadan: 1,000 pek beras import habis dalam 3 jam, minyak masak turut laris	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/02/1365972/jualan-rahmah-ramadan-1000-pek-beras-import-">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/02/1365972/jualan-rahmah-ramadan-1000-pek-beras-import-</a>	BERITA HARIAN
27-Feb	Stor haram sorok LPG di Selama diserbu	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/714811/berita/semasa/stor-haram-sorok-">https://www.sinarharian.com.my/article/714811/berita/semasa/stor-haram-sorok-</a>	SINAR HARIAN
27-Feb	Stor sorok 95 tong LPG secara haram disita KPDN	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/02/26/stor-sorok-95-tong-lpg-secara-haram-disita-">https://www.kosmo.com.my/2025/02/26/stor-sorok-95-tong-lpg-secara-haram-disita-</a>	KOSMO
27-Feb	KPDN Perak Sita 95 Tong LPG Disimpan Tanpa Lesen	<a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2396600">https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2396600</a>	BERNAMA
27-Feb	Stor haram sorok LPG diserbu di Selama	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/stor-haram-sorok-lpg-diserbu-di-selama-">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/stor-haram-sorok-lpg-diserbu-di-selama-</a>	ASTRO AWANI
27-Feb	Wanita warga emas ditahan jadi 'transporter' seludup baju sukan bernilai RM61,000	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-warga-emas-ditahan-jadi-transporter-seludup-baju-sukan-bernilai-rm61000-">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-warga-emas-ditahan-jadi-transporter-seludup-baju-sukan-bernilai-rm61000-</a>	ASTRO AWANI

27-Feb	Wanita warga emas ditahan jadi 'transporter' seludup baju sukan bernilai RM61,000	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/714803/berita/semasa/wanita-warga-emas-ditahan-jadi-transporter-seludup-baju-sukan-bernilai-rm61000">https://www.sinarharian.com.my/article/714803/berita/semasa/wanita-warga-emas-ditahan-jadi-transporter-seludup-baju-sukan-bernilai-rm61000</a>	SINAR HARIAN
27-Feb	PGA Rampas Baju Sukan Tiruan Pelbagai Jenama Bernilai RM61,000	<a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2396586">https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2396586</a>	BERNAMA
27-Feb	KPDN Labuan Tahan Pemandu Lori Disyaki Cuba Seleweng Diesel	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2396702">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2396702</a>	BERNAMA
27-Feb	50 peratus daripada 5,000 sampel beras import dicampur beras putih tempatan	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2025/02/26/50-peratus-daripada-5000-sampel-beras-import-dicampur-beras-putih-tempatan">https://www.utusanborneo.com.my/2025/02/26/50-peratus-daripada-5000-sampel-beras-import-dicampur-beras-putih-tempatan</a>	UTUSAN BORNEO
27-Feb	50 peratus daripada 5,000 sampel beras import dicampur beras putih tempatan	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/50-peratus-daripada-5000-sampel-beras-import-dicampur-beras-putih-tempatan-">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/50-peratus-daripada-5000-sampel-beras-import-dicampur-beras-putih-tempatan-</a>	ASTRO AWANI
27-Feb	Analisis dapati beras putih tempatan dicampur dalam beras Import – MARDI	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/analisis-dapati-beras-putih-tempatan-dicampur-dalam-beras-import-mardi/">https://www.buletintv3.my/nasional/analisis-dapati-beras-putih-tempatan-dicampur-dalam-beras-import-mardi/</a>	TV3
27-Feb	50 PERATUS DARIPADA 5,000 SAMPEL BERAS IMPORT DICAMPUR BERAS PUTIH TEMPATAN	<a href="https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2396810">https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2396810</a>	BERNAMA
27-Feb	50% of 5,000 imported rice samples found mixed with local white rice	<a href="https://thesun.my/malaysia-news/50-of-5000-imported-rice-samples-found-mixed-with-local-white-rice-JG13737907">https://thesun.my/malaysia-news/50-of-5000-imported-rice-samples-found-mixed-with-local-white-rice-JG13737907</a>	THE SUN